

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS MAKAN MALAM PERSATUAN PERKHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK (PPTD)

TEMPAT: HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR

TARIKH: 03 DEC 1989

MASA:

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berbahagia Datuk Hassan Ibrahim,
Presiden PPTD;

Yang Berhormat Menteri-menteri;
Dif-dif Kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan.

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Illahi kerana dengan izinNya kita dapat bersama-sama di majlis tahunan ini sekali lagi. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa PPTD kerana menjemput saya dan isteri saya ke jamuan ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Pada tahun 1985 kita menghadapi kemelesetan ekonomi yang teruk dan nada ucapan saya di jamuan makan malam PPTD pada tahun itu menggambarkan usaha-usaha Kerajaan untuk mengatasi kedudukan ekonomi yang buruk itu. Pada tahun 1987 dan 1988 di perjumpaan yang serupa, ucapan saya menggambarkan bahawa usaha-usaha yang dilakukan untuk memulih dan memperkukuhkan ekonomi kita semakin berjaya, serta perasaan yakin pihak Kerajaan ke atas pemulihan ekonomi negara kita.

3. Sekarang ini, empat tahun kemudian, ekonomi kita bukan sahaja telah pulih tetapi juga telah menunjukkan perkembangan yang menggalakkan yang dijangkakan berlarutan bagi beberapa tahun yang akan datang. Ini merupakan usaha kita semua -- Kerajaan dan rakyat, sektor awam dan swasta, sama ada yang tinggal di bandar atau di luar bandar. Tidaklah keterlaluan jika saya katakan bahawa pegawai-pegawai tadbir memainkan peranan yang utama dan penting dalam proses pemulihan dan pembangunan pesat ini.

4. Di samping kita bersyukur dengan kejayaan kita ini, kita juga harus berhati-hati dan menyusun langkah dengan cermat supaya negara kita tidak terlalu mudah terpengaruh dengan kemelesetan ekonomi dunia sekali lagi. Kita harus belajar daripada sejarah dan pengalaman orang lain serta daripada pengalaman yang kita alami sendiri. Mereka yang melupakan sejarah dan pengalaman ini akan cepat kecewa dengan cabaran-cabaran baru pada masa hadapan. Justeru itu, usaha-usaha pemulihan ekonomi beberapa tahun

yang lalu yang masih berkesan hendaklah diteruskan. Tetapi pada sepanjang masa kita harus menyoal diri kita sama ada memadai dengan pendekatan yang ada sekarang atau apakah ada dasar dan tindakan yang lain yang harus kita bentuk dan laksanakan?

5. Kita semua maklum bahawa struktur ekonomi kita sedang berubah mengikut dasar dan perancangan kita -- iaitu memperluaskan perindustrian, terutama sektor perkilangan supaya kita tidak terlalu sangat bergantung kepada turunkannya harga barang-barang komoditi yang lebih dikuasai oleh pengguna-pengguna besar di negara-negara maju. Di samping itu sektor swasta akan memainkan peranan yang lebih besar dalam pembangunan ekonomi negara. Peranan Kerajaan secara langsung dalam perkhidmatan dan pembangunan ekonomi melalui badan korporat dan agensi akan dikurangkan. Sebaliknya Kerajaan akan menumpukan kepada tugas-tugas keselamatan dan ketenteraman, penyediaan infrastruktur serta perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti kawalselia atau supervisory yang mustahak.

6. Untuk menghadkan aktiviti Kerajaan kepada tugas-tugas pemerintahan dan pentadbiran, penswastaan akan menjadi pendekatan yang penting. Kita sudah melihat bagaimana beberapa agensi atau syarikat Kerajaan telah mencapai kejayaan yang baik setelah diswastakan dengan tidak merugikan kakitangan agensi dan syarikat-syarikat itu. Sebenarnya kakitangan-kakitangan syarikat-syarikat itu lebih bernasib baik daripada semasa mereka di bawah Kerajaan. Tetapi mereka dan pengurusan mestilah sedar bahawa perniagaan tetap mempunyai risiko. Keuntungan tidak boleh dibelanjakan sampai habis tetapi sebahagiannya hendaklah disimpan untuk pelaburan yang diperlukan dan untuk 'hari hujan'. Badan dan agensi yang telah diswastakan tidak lagi boleh mengharap modal dan bantuan daripada Kerajaan seperti sebelumnya.

7. Sementara itu, kita harus memeriksa dan mengkaji semula pendekatan-pendekatan yang lain yang telah kita amalkan dalam urusan pentadbiran negara selama ini. Kita tidak dapat menafikan bahawa ada pencapaian-pencapaian yang tidak memuaskan. Di samping itu kita pula berhasrat untuk menjadikan kualiti sebagai sasaran kita sepanjang masa. Ini bermakna kita mestilah mengejar matlamat yang lebih tinggi dan baik sepanjang masa, walau apa juga pencapaian kita yang terdahulu.

8. Untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan pentadbiran, kita harus berani menyoal dan menganalisa sistem-sistem yang sekian lama telah kita gunakan. Dalam perkara ini kita harus jujur menilai prestasi kita dan mengenalpastikan kelemahan-kelemahan dan pendekatan yang harus dibaiki atau ditukar sama sekali. Kita tidak harus mengamalkan sesuatu cara itu hanya kerana itulah cara yang telah kita warisi dan yang kita tahu.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Tamadun manusia tidak statik dan beku. Ia berubah sepanjang masa. Kadang-kadang perubahan adalah ke arah kemunduran tetapi kerap kali ia adalah ke arah kemajuan. Sama ada tamadun menjadi lebih mundur atau maju, yang pasti ialah perubahan berlaku. Dalam keadaan yang berubah-ubah ini kita juga perlu mengubahsuaikan pendekatan kita. Sebab itulah kita telah mencipta dan melaksanakan berbagai-bagai dasar dan pendekatan baru seperti Dasar Pandang Ke Timur, Persyarikatan Malaysia, Penswastaan, perakaman waktu dan lain-lain lagi.

10. Mungkin dasar-dasar dan pendekatan-pendekatan ini mempunyai kelemahan-kelemahan, tetapi kita harus mencubanya dahulu sebelum kita membuat keputusan yang ianya tidak baik. Kita harus mencuba dengan bersungguh-sungguh dahulu. Tetapi jika akhirnya sesuatu perubahan itu jelas menunjukkan ianya tidak baik, kita tidak harus malu menyatakannya dan kita balik kepada amalan yang asal atau kita mencuba pendekatan yang lain pula.

11. Sejarah manusia memang memperlihatkan perubahan sepanjang masa. Tetapi di zaman ini kita melihat perubahan berlaku dengan lebih banyak dan dengan lebih cepat. Teknologi hari ini menjadi usang keesokan hari. Dan teknologi esok akan menjadi usang sehari selepasnya. Negara yang kalah dalam peperangan dan hancur musnah boleh menjadi kuasa dunia dalam masa hanya 30 tahun sahaja. Sebaliknya negara yang maju boleh menjadi mundur. Kita sedang melihat keruntuhan sistem ekonomi komunis, sesuatu yang tidak terfikir hanya lima atau enam bulan dahulu.

12. Berhadapan dengan aliran ini, kita harus tahu mengatur langkah dan menyesuaikan pendekatan negara kita dengan perubahan-perubahan yang sedang berlaku dan mungkin berlaku. Mentadbirkan sesebuah negara tidak semudah dahulu. Kita begitu terikat dengan kejadian-kejadian di seluruh dunia sehingga ekonomi kita boleh merosot dalam sekejap masa sahaja.

13. Jika negara kita tidak mempelbagaikan atau diversify daripada hanya dua komoditi kepada lebih enam komoditi, dan daripada pengeluaran komoditi semata-mata kepada industri perkilangan dan industri perkhidmatan, negara kita akan merana di waktu getah tiruan menggantikan getah asli, dan plastik, kertas, kaca dan aluminium menggantikan sadur timah atau tin-plate. Kita bernasib baik kerana kita telah mengambil langkah agak awal. Sekarang harus kita fikirkan pula akan langkah-langkah yang perlu kita ambil segera akibat tanda-tanda perubahan yang dapat kita lihat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

14. Satu aliran yang memerlukan perhatian dan tindakan awal oleh pentadbiran dan Kerajaan ialah pertumbuhan bilangan penduduk di negara kita. Ada yang berpendapat bahawa cara menyelesaikan masalah pertumbuhan penduduk ialah dengan

mengurangkannya melalui perancangan keluarga. Sementara perancangan keluarga ini adalah satu cara tetapi ia tidak dapat mengatasi masalah secara langsung. Ia juga mungkin membawa masalah seperti 'aging population' dan akibatnya. Justeru itu, kita harus memahami dengan lebih mendalam masalah yang berkaitan dengan mentadbirkan rakyat yang lebih ramai.

15. Negara kecil dengan penduduk yang tidak ramai memang lebih mudah ditadbir daripada negara yang besar dan ramai penduduknya. Pertumbuhan bilangan penduduk dengan sendirinya boleh menjadi masalah dan menurunkan taraf hidup rakyat. Perbelanjaan kerajaan pula perlu meningkat. Jika ekonomi tidak turut tumbuh bersama-sama dengan peningkatan bilangan penduduk, kerajaan tidak mungkin dapat membelanjakan peruntukan yang biasa bagi setiap rakyat, jauh sekali membekalkan perkhidmatan dan kemudahan yang lebih baik.

16. Cara sosialis menghadapi masalah pertumbuhan penduduk ialah dengan mengadakan peluang-peluang pekerjaan, tanpa mengira sama ada kerja itu perlu atau tidak. Kerajaan sosialis akan mengambil pekerja-pekerja yang berlebihan ke dalam pentadbiran dan perusahaan-perusahaan milik negara. Mereka juga mewujudkan industri yang tidak penting tanpa mengambilkira untung-rugi. Sepertimana yang kita lihat sekarang, negara-negara sosialis dan komunis akhirnya menjadi negara-negara yang miskin dan rakyat mereka mengalami kehidupan yang tidak selesa sehingga mereka bangun menentang sistem itu.

17. Kita tidak ingin menjadikan penduduk yang kian bertambah di negara ini miskin dan kurang selesa kehidupan mereka. Justeru itu, kita tidak mahu mengadakan jentera kerajaan yang besar hanya untuk memberi peluang-peluang pekerjaan. Penambahan bilangan kakitangan kerajaan mestilah kerana tambahan diperlukan. Yang harus kita tumpukan ialah kepada kecekapan atau efficiency -- iaitu perkhidmatan yang berkualiti dengan bilangan pekerja yang sekecil mungkin.

18. Apakah pendekatan ini akan menyebabkan pengangguran bertambah? Ini tidak semestinya berlaku jika perkhidmatan yang diberikan oleh pihak pentadbiran dapat memudah dan menjayakan perniagaan dan perusahaan swasta. Jika pelaburan swasta dapat ditingkatkan dengan pesat, maka peluang-peluang pekerjaan akan bertambah dengan lebih banyak lagi, berbanding dengan kerajaan semata-mata mengadakan pekerjaan untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Potensi pihak swasta meningkatkan bilangan pekerjaan adalah lebih besar daripada kerajaan. Pihak swasta juga lebih mampu memperbaiki taraf hidup pekerja.

19. Memandangkan kepada hakikat ini, maka amatlah penting jentera kerajaan diperbaiki sepanjang masa supaya menjadi lebih efisien. Tambahan bilangan kakitangan dan pegawai hendaklah dibuat apabila perlu sahaja. Konsep dan semangat dasar Persyarikatan Malaysia hendaklah diterima

baik dan diamalkan dengan bersungguh-sungguh.

20. Di masa yang sama, kerajaan yang bertanggungjawab untuk menyediakan rakyat yang terlatih hendaklah menentukan bahawa latihan dan pelajaran yang diberikan adalah bersesuaian dengan dasar yang memberi pihak swasta peranan yang lebih besar dan penting. Bumiputera, terutamanya, mestilah didorong melalui biasiswa dan lain-lain kemudahan pelajaran supaya bidang-bidang pelajaran yang dipilih oleh mereka tidak lagi terhad untuk berkhidmat dengan kerajaan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

21. Orientasi pegawai dan kakitangan kerajaan sekarang mestilah ditujukan kepada pembangunan perniagaan dan industri milik swasta. Kejayaan swasta ada kaitan yang rapat dengan kehidupan kakitangan dan pegawai kerajaan. Kita tidak boleh lupa sama sekali bahawa pembiayaan semua perbelanjaan kerajaan adalah daripada kutipan cukai dalam berbagai bentuk daripada rakyat. Rakyat yang berpendapatan rendah tidak mungkin membayar cukai yang banyak. Sebaliknya jika ramai rakyat yang berada dan taraf hidup rakyat keseluruhannya meningkat tinggi, kewangan kerajaan akan menjadi lebih baik. Kerajaan pula mungkin lebih mampu menaikkan gaji dan lain-lain kemudahan bagi kakitangannya, selain daripada menunaikan tanggungjawab kerajaan kepada rakyat amnya.

22. Dasar dan matlamat Kerajaan Barisan Nasional adalah jelas. Para pentadbir yang bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar-dasar ini akan memperolehi ganjaran daripada dasar-dasar ini. Justeru itu, peningkatan bilangan penduduk dan lain-lain fakta yang menyebabkan kerajaan membentuk dasar-dasar baru mengenai perkhidmatan Kerajaan hendaklah dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh supaya ianya berjaya membangunkan negara kita ini dengan pesat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

23. Pada keseluruhannya, Kerajaan menyedari bahawa terdapat peningkatan kualiti dan kesungguhan di kalangan kakitangan awam dalam menjalankan tugas-tugas mereka. Terdapat juga perubahan sikap yang menggalakkan, termasuklah perkhidmatan-perkhidmatan untuk orang ramai di kaunter-kaunter dan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan. Kerajaan menghargai setiap sumbangan, dedikasi dan usaha berkualiti setiap orang kakitangan awam. Tetapi sepertimana yang telah saya jelaskan semasa pelancaran Gerakan Budaya Kerja Cemerlang, kualiti tidaklah statik. Ia meningkat sepanjang masa. Dengan itu, kita semua hendaklah berusaha meningkatkan kualiti perkhidmatan kita sepanjang masa.

24. Akhirkata, sekali lagi saya dan isteri saya mengucapkan terima kasih di atas jemputan ini, dan berdoa semoga kita sentiasa mencapai kejayaan dalam menunaikan tanggungjawab kita.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamu'alaikum

warahmatullahi wabarakatuh.